



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA  
ARKIB NEGARA MALAYSIA

## SIARAN MEDIA

### BICARA NEGARAWAN TUN ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN

---

**KUCHING, SARAWAK:** 24 Mei 2023 - Arkib Negara Malaysia dan Yayasan Tun Razak telah menganjurkan program “Bicara Negarawan Tun Abdul Razak Dato’ Hussein” bertujuan mengenang jasa serta sumbangan Bapa Pembangunan di Sarawak ketika era pentadbiran beliau sekitar tahun 1960-an dan 1970-an.

Bicara Negarawan yang diadakan di Borneo Cultures Museum tersebut telah dirasmikan oleh Dato’ Indera Noridah binti Abdul Rahim, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara pada pagi ini.

Program ini adalah salah satu pengisian program bagi Sambutan Minggu Perpaduan Negara 2023 yang berlangsung selama seminggu bermula pada 20 sehingga 28 Mei 2023.

Bersesuaian dengan tema ‘Perpaduan Dalam Kepelbagaian’, Bicara Negarawan ini mengangkat Tun Abdul Razak sebagai tokoh berjasa dalam membentuk keharmonian perpaduan di Sarawak selepas penubuhan Malaysia pada 16 September 1963.

Terdapat catitan sejarah mengenai Tun Abdul Razak sebagai salah seorang tokoh yang terlibat dalam menubuhkan 'Rajang Area Security Command' atau RASCOM di Sarawak pada tahun 1972 untuk menewaskan ancaman gerakan komunis.

Selain itu, usaha Tun Abdul Razak memperkenalkan pembangunan ekonomi luar bandar melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB) meninggalkan impak positif termasuk membantu penurunan kadar kemiskinan di Sarawak.

Tan Sri Datuk Amar Leonard Linggi dan Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Mohd bin Samsudin yang merupakan panel bicara telah mengupas mengenai ketokohan Tun Abdul Razak serta sumbangannya di Sarawak dengan lebih mendalam.

Program sebegini dapat memupuk sikap patriotisme serta jati diri sebagai warganegara Malaysia untuk sentiasa menjaga keharmonian di samping terus berusaha untuk meningkatkan penghasilan sumber ekonomi negara.

Selain itu, Pameran Eksklusif Tun Abdul Razak turut diadakan bagi memberi pendedahan mengenai sejarah ketokohan Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kedua.

Pameran tersebut memaparkan sejarah kronologi kehidupan Tun Abdul Razak serta usaha-usahanya dalam membangunkan negara selepas mencapai kemerdekaan pada tahun 1957.

Perkongsian maklumat termasuk mesej kesepakatan sosial yang diterapkan dalam usaha-usaha membangunkan ekonomi negara dan kesepaduan masyarakat adalah relevan dan secara tidak langsung dapat memperkasakan perpaduan masyarakat Malaysia sejajar dengan konsep Malaysia Madani.

**Arkib Negara Malaysia**

Tarikh : 24 Mei 2023

Emel : [pro@arkib.gov.my](mailto:pro@arkib.gov.my)

Rujukan : ARKIB.100-9/1/1(74)